

**DIPLOMASI SUBALTERN: P.P. NARAYANAN DAN INTERNASIONALISASI
PERJUANGAN KAUM PEKERJA, 1950-AN HINGGA 1980-AN**

***SUBALTERN DIPLOMACY: P.P. NARAYANAN AND THE
INTERNATIONALIZATION OF WORKERS' STRUGGLE, 1950S TO THE 1980S***

Shamsul Azri Mohd Radzi*

**Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 06010 Pulau
Pinang, MALAYSIA**

Abstrak

Makalah ini membincangkan strategi diplomasi yang digerakkan oleh P.P. Narayanan, pemimpin Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW), dalam memperjuangkan hak golongan pekerja ladang dari Malaysia di pentas antarabangsa sepanjang dekad 1950-an hingga 1980-an. Dalam konteks struktur ekonomi pascakolonial yang menindas, pekerja ladang yang majoritinya berketurunan India Selatan menghadapi pelbagai bentuk peminggiran ekonomi dan politik. Sebagai tokoh buruh yang muncul dari golongan marginal, Narayanan memanfaatkan rangkaian antarabangsa, kedudukan beliau dalam Konfederasi Antarabangsa Kesatuan Sekerja Bebas (ICFTU), dan wacana hak asasi manusia untuk membawa tuntutan buruh ke dalam forum global. Melalui pendekatan yang dikenali sebagai “diplomasi subaltern”, beliau menggunakan strategi penjenamaan moral, rangkaian strategik, perundingan institusional dan mobilisasi lintas sempadan bagi memperkukuh kedudukan pekerja ladang di Malaysia dan memperluas solidariti antarabangsa. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah kualitatif dan berpaksikan analisis terhadap biografi P.P. Narayanan oleh J. Victor Morais (1983), serta disokong oleh kerangka teori dari kajian hubungan antarabangsa dan teori gerakan buruh transnasional. Makalah ini menyimpulkan bahawa P.P. Narayanan telah meletakkan satu model kepimpinan kesatuan sekerja dari Selatan Global yang berjaya memanfaatkan ruang antarabangsa untuk mempengaruhi dasar domestik dan memperjuangkan keadilan sosial bagi golongan yang tersisih dalam naratif pembangunan negara.

Kata kunci: P.P. Narayanan, diplomasi subaltern, pekerja ladang, NUPW, ICFTU, kesatuan sekerja, hubungan antarabangsa, gerakan buruh

Abstract

This paper examines the diplomatic strategies employed by P.P. Narayanan, leader of the National Union of Plantation Workers (NUPW), in championing the rights of Malaysian plantation workers on the international stage between the 1950s and 1980s. Operating within a postcolonial economic structure marked by systemic marginalisation, plantation workers predominantly of South Indian descent faced entrenched socio-economic exclusion. As a labour leader emerging from the margins, Narayanan leveraged international networks, his position within the International Confederation of Free Trade Unions (ICFTU), and human rights discourse to globalise local labour struggles. Through a subaltern diplomacy approach, he deployed strategies of moral framing, strategic networking, institutional bargaining, and cross-border mobilisation to strengthen the status of plantation workers in Malaysia and expand transnational solidarity. This study adopts a qualitative historical methodology, grounds its

analysis in J. Victor Morais's biography of Narayanan (1983), and frames its approach using international relations theories and scholarship on transnational labour movements. The paper concludes that P.P. Narayanan established a distinctive model of Southern trade union leadership that effectively utilised international platforms to influence domestic policy and advocate for social justice on behalf of marginalised communities within Malaysia's development narrative.

Keywords: P.P. Narayanan, subaltern diplomacy, plantation workers, NUPW, ICFTU, trade union, international relations, labour movement

Pengenalan

Perjuangan kelas pekerja di Malaysia pasca-kemerdekaan tidak dapat dipisahkan daripada latar struktur ekonomi kolonial dan ketidakseimbangan kuasa antara majikan dan golongan buruh. Dalam sektor perladangan, khususnya, wujud satu bentuk penindasan berstruktur yang menimpa pekerja ladang, yang sebahagian besarnya terdiri daripada komuniti India Selatan. Mereka menghadapi bentuk peminggiran ganda: sebagai buruh dalam sistem kapitalis perladangan dan sebagai minoriti etnik dalam masyarakat yang sedang membina identiti nasional baharu.¹

Dalam konteks ini, munculnya seorang tokoh seperti P.P. Narayanan sebagai pemimpin Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) telah membawa satu bentuk kepimpinan kesatuan sekerja yang berbeza. Beliau bukan sahaja mengetuai tuntutan buruh di peringkat nasional, malah mengangkat suara pekerja ladang ke peringkat antarabangsa melalui peranannya dalam Konfederasi Antarabangsa Kesatuan Sekerja Bebas (ICFTU). Melalui strategi berasaskan prinsip, jaringan diplomatik, dan penggunaan platform global, Narayanan menonjol sebagai seorang “diplomasi subaltern” iaitu mewakili suara golongan marginal dalam ruang yang lazimnya dikuasai aktor elit dan negara.²

Dalam era 1950-an hingga 1980-an, Narayanan memimpin pelbagai usaha yang menyaksikan kesatuan sekerja Malaysia terlibat secara aktif dalam diskursus global mengenai buruh, pembangunan dan hak asasi. Diplomasi yang diterajui oleh beliau bukan sekadar mengangkat isu pekerja tempatan ke forum antarabangsa, tetapi juga meletakkan Malaysia sebagai pelaku aktif dalam rangkaian kesatuan sekerja global. Diplomasi ini termasuk penglibatan dengan pemimpin dunia, penyertaan dalam forum antarabangsa seperti ICFTU dan ILO, serta usaha membina solidariti antara kesatuan sekerja serantau dan global.³

Konsep “diplomasi subaltern” yang diketengahkan dalam kajian ini merujuk kepada bentuk diplomasi yang dijalankan oleh aktor bukan negara khususnya mereka yang mewakili kelompok terpinggir dalam usaha mempengaruhi dasar dan wacana antarabangsa. Dalam konteks Malaysia, pendekatan ini mencabar persepsi konvensional bahawa diplomasi hanya domain negara dan elit politik.⁴ Narayanan memperlihatkan bagaimana kepimpinan kesatuan sekerja boleh menavigasi ruang-ruang antarabangsa untuk membawa tuntutan domestik ke pentas global, sekali gus membentuk tekanan moral dan politik ke atas kerajaan dan syarikat multinasional.

Melalui kepimpinan Narayanan, NUPW tidak lagi sekadar menjadi entiti domestik yang memperjuangkan kebajikan pekerja ladang, tetapi turut memainkan peranan dalam menentukan hala tuju diskusi global mengenai keadilan buruh, hak asasi manusia, dan

pembangunan pasca-kolonial. Pendekatan beliau bertentangan dengan trend kebanyakan kesatuan sekerja Malaysia yang pada era pascakolonial sama ada terjebak dalam konflik politik domestik atau bergerak atas dasar survival organisasi semata-mata.⁵

Kemampuan Narayanan mengatasi sempadan nasional dan menavigasi ruang antarabangsa terbukti lebih mengagumkan jika kita menimbangkan latar belakang moderat beliau. Beliau bukanlah seorang revolusioner radikal, tetapi seorang pragmatis yang mahir memanfaatkan pelbagai platform untuk memperjuangkan hak-hak pekerja ladang. Keupayaan Narayanan untuk memainkan peranan dalam wacana antarabangsa, walaupun berasal daripada latar belakang yang sederhana, mencerminkan dinamika kompleks dalam kepimpinan kesatuan sekerja era tersebut. Sebagai ahli Dewan Negara, beliau berjaya mengekalkan keseimbangan yang rumit antara hubungan dengan kerajaan dan kritikan terhadap dasar-dasar yang meminggirkan golongan pekerja. Kecenderungan ini membolehkan beliau menjalin hubungan dengan kedua-dua blok Timur dan Barat dalam konteks Perang Dingin, memperluas jangkauan pengaruhnya.⁶

Menerusi analisis ini, artikel ini akan menelusuri beberapa persoalan utama: Bagaimanakah Narayanan membina dan memanfaatkan jaringan antarabangsa bagi memperjuangkan nasib pekerja ladang? Apakah strategi yang digunakan beliau dalam mengangkat suara buruh dari perladangan tempatan ke pentas antarabangsa? Dan apakah impak strategi diplomatik ini terhadap landskap buruh Malaysia dan gerakan kesatuan sekerja antarabangsa?

Tujuan utama artikel ini adalah untuk menganalisis bagaimana P.P. Narayanan membina rangkaian antarabangsa dalam memperkuat NUPW dalam gerakan buruh global, menilai keberkesanan strateginya dalam mempengaruhi dasar domestik dan antarabangsa, serta meneliti naratif moral dan hubungan diplomatik yang dibangunkan beliau bersama tokoh antarabangsa. Artikel ini juga meneroka impak strategi tersebut terhadap landskap buruh Malaysia dan gerakan kesatuan sekerja antarabangsa, sekali gus menilai legasi beliau dalam konteks keadilan sosial global.

Artikel ini menyumbang kepada historiografi buruh Malaysia dengan mengangkat semula figura yang sering dipinggirkan daripada naratif sejarah nasional. Seiring dengan seruan Abdul Rahman dan Zawawi untuk memperluaskan naratif sejarah dari perspektif aktor terpinggir dan Selatan Global, artikel ini menyajikan P.P. Narayanan sebagai simbol agensi dan keberkesanan strategi subaltern dalam konteks politik antarabangsa.⁷

Pendekatan ini juga membuka ruang untuk memahami perjuangan pekerja ladang Malaysia dalam konteks yang lebih luas tentang keadilan global, kesetaraan, dan peranan kesatuan sekerja dalam pembentukan dasar antarabangsa. Selama ini, naratif pembangunan Malaysia sering didominasi oleh perspektif negara dan elit politik, dengan kurang tumpuan diberikan kepada aktor bukan negara seperti kesatuan sekerja. Kajian ini menyerlahkan bagaimana aktor dari pinggiran, seperti Narayanan, turut memainkan peranan penting dalam membentuk imej dan kedudukan Malaysia di pentas global, khususnya melalui diplomasi buruh dan kesatuan sekerja.

Dari segi metodologi, artikel ini menggunakan pendekatan sejarah kualitatif berasaskan analisis sumber utama seperti biografi P.P. Narayanan oleh Morais (1983), disokong dengan kerangka teori “diplomasi subaltern” yang digabungkan dengan teori buruh transnasional.⁸

Pemahaman kontekstual terhadap sumber dan strategi beliau diperkukuh dengan analisis naratif institusi dan wacana sejarah.⁹ Pelopor bagi istilah subaltern ini adalah Gramsci yang mentakrifkannya sebagai kelas sosial yang tidak memiliki kekuasaan politik atau hegemoni termasuklah kumpulan-kumpulan masyarakat seperti petani, buruh, dan kelompok miskin)¹⁰

Struktur artikel ini merangkumi lima bahagian utama: (i) latar sejarah pekerja ladang dan kolonialisme ekonomi; (ii) strategi dan rangkaian diplomatik Narayanan; (iii) penglibatan Narayanan dalam ICFTU dan forum antarabangsa; (iv) kesan terhadap dasar buruh domestik dan persepsi awam; dan (v) legasi dan warisan perjuangan beliau dalam konteks gerakan buruh global.

Sorotan Literatur dan Kerangka Teori

Kajian tentang perjuangan P.P. Narayanan perlu difahami dalam kerangka historiografi yang lebih luas tentang gerakan buruh di Malaysia, konsep agensi subaltern dalam hubungan antarabangsa, dan teori kesatuan sekerja dalam konteks globalisasi. Sorotan ini merangkumi tiga dimensi utama: (i) sejarah kesatuan sekerja di Malaysia, (ii) peranan subaltern dalam hubungan antarabangsa, dan (iii) teori buruh transnasional dan solidariti global.

Sejarah Gerakan Kesatuan Sekerja di Malaysia

Perkembangan gerakan kesatuan sekerja di Malaysia pascakolonial banyak dipengaruhi oleh warisan penjajah, dasar ekonomi negara, dan struktur perkauman dalam tenaga kerja. Stenson menyatakan bahawa gerakan buruh di bawah pentadbiran British cenderung dimoderasi dengan penghapusan kesatuan yang radikal dan penubuhan kesatuan sekerja yang lebih dikawal oleh kerajaan. Penindasan terhadap kesatuan-kesatuan sekerja berhaluan kiri pasca-Darurat telah mengubah landskap kesatuan sekerja kepada bentuk yang lebih “sederhana”, yang kemudiannya memberi laluan kepada pengaruh individu seperti Narayanan dalam mentakrif semula haluan perjuangan buruh.¹¹

Menurut Selvaratnam, kedudukan pekerja ladang, khususnya kaum India Selatan menjadi asas kepada struktur kesatuan sekerja pascakolonial yang berasaskan etnik dan sektor. Pekerja ladang mengalami diskriminasi ekonomi dan sosial yang berlapis, menjadikan mereka sasaran mudah eksploitasi, namun dalam masa yang sama mewujudkan ruang untuk mobilisasi kolektif yang tersendiri.¹² Kajian beliau memperlihatkan bagaimana struktur ekonomi kolonial telah mengekang pembangunan kesatuan sekerja bersifat inklusif, sebaliknya memunculkan bentuk perwakilan yang bersifat sektoral dan etnik.

Jomo dan Wee pula menekankan bahawa struktur ekonomi negara pascakolonial tidak banyak berubah dari era penjajahan. Dasar-dasar ekonomi yang meminggirkan hak pekerja dan menghadkan kuasa perundingan kolektif terus diamalkan. Dalam konteks ini, NUPW sebagai salah satu kesatuan sekerja terbesar memainkan peranan penting, bukan sahaja dalam menyuarakan isu domestik tetapi juga dalam menyesuaikan diri dengan cabaran antarabangsa.¹³

Kajian oleh Sher dan Chen memberikan gambaran terperinci tentang evolusi undang-undang buruh dan cabaran kesatuan sekerja dalam Malaysia moden. Mereka menekankan

bahawa pemusatan kuasa dalam kesatuan sekerja serta sekatan undang-undang menyebabkan kesatuan sekerja beroperasi dalam ruang yang sangat terhad, dan memerlukan strategi luar kebiasaan untuk mengekalkan keberkesanan.¹⁴ Dalam konteks ini, pendekatan antarabangsa Narayanan menawarkan satu model alternatif kepimpinan kesatuan sekerja yang memanfaatkan jaringan luar negara untuk memperkukuh legitimasi domestik.¹⁵

Namun, kesemua kajian ini tidak secara mendalam menyentuh tentang peranan individu dari Selatan Global yang membawa isu buruh ke peringkat antarabangsa. Artikel ini bertujuan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan meneliti strategi diplomatik P.P. Narayanan secara terperinci.

Peranan Subaltern dalam Hubungan Antarabangsa

Dalam bidang hubungan antarabangsa, peranan aktor bukan negara, khususnya dari golongan terpinggir, telah mendapat perhatian yang meningkat. Weiss menegaskan bahawa aktor seperti kesatuan sekerja, NGO, dan organisasi masyarakat sivil berupaya mengubah wacana dasar melalui pendekatan “boomerang” iaitu dengan melangkaui negara untuk mendapatkan sokongan antarabangsa.¹⁶ Dalam konteks Malaysia, pendekatan ini amat relevan memandangkan ruang domestik yang sering menyekat aktivisme buruh.

Rother membina pendekatan ini dengan menekankan bagaimana masyarakat sivil di Asia Tenggara, termasuk kesatuan sekerja dan organisasi migran, terlibat dalam pelbagai bentuk advokasi yang merentas peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa. Konsep “lintasan peringkat” (“multi-level activism”) yang dikemukakan beliau berguna dalam memahami bagaimana tokoh seperti Narayanan menyusun strategi berdasarkan konteks pelbagai aras dan pelbagai aktor.¹⁷

Tambahan pula, Weiss dan Hansson menggariskan bahawa sempadan antara aktor “sivil” dan “tidak sivil” sering kali dikaburkan oleh kuasa hegemonik. Dalam hal ini, suara pekerja sering diketepikan atau dianggap tidak sah oleh negara dan organisasi antarabangsa melainkan ia difasilitasi oleh tokoh perantara seperti Narayanan.¹⁸

Sorotan Literatur dan Kerangka Teori: Diplomasi Subaltern, Buruh Transnasional dan Solidariti Global

Artikel ini menggunakan pendekatan teori yang menggabungkan sosiologi buruh Marxian, teori kesatuan sekerja transnasional, serta kerangka diplomasi subaltern untuk menganalisis strategi diplomasi yang digerakkan oleh P.P. Narayanan dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) dalam memperjuangkan hak pekerja ladang Malaysia di arena antarabangsa.

Pertama, Marx menegaskan bahawa pembebasan kelas pekerja menuntut perjuangan melepasi sempadan ekonomi semata-mata ke arah perubahan radikal struktur sosial dan produksi.¹⁹ Dalam konteks ini, P.P. Narayanan memahami bahawa perjuangan pekerja ladang Malaysia tidak boleh terbatas dalam kerangka domestik. Melalui NUPW, beliau memperluaskan ruang tuntutan buruh ke arena antarabangsa, menuntut keadilan dalam struktur ekonomi global yang menindas.

Hyman memperluaskan tafsiran ini dengan menunjukkan dilema institusionalisasi kesatuan sekerja yang menjadi agen perubahan atau terperangkap dalam struktur kapitalis.²⁰ Narayanan mengelakkan jebakan birokratik ini dengan mengekalkan NUPW sebagai suara perjuangan akar umbi yang berakar kuat dalam solidariti antarabangsa. Selanjutnya, Hyman menghuraikan bahawa kesatuan sekerja kontemporari harus mengimbangi tekanan pasaran, solidariti kelas, dan imperatif sosial.²¹ Pendekatan Narayanan memperlihatkan keupayaan beliau dalam menavigasi ketiga-tiga medan ini, memperkukuhkan peranan NUPW dalam wacana buruh global.

Kedua, teori buruh transnasional yang dikembangkan oleh Dibben, Flynn et al., Mellahi, dan Wood memperkukuhkan kerangka analisis ini.

- Dibben menekankan kepentingan membangun kesatuan sekerja rentas sempadan untuk menghadapi liberalisasi ekonomi. Ini diterjemahkan oleh Narayanan melalui keterlibatan aktif NUPW dalam ICFTU dan pelbagai forum antarabangsa.²²
- Flynn et al. memberi penekanan kepada agensi pekerja, di mana Narayanan menggunakan perwakilan antarabangsa untuk meningkatkan kuasa tawar-menawar pekerja ladang Malaysia.²³
- Mellahi and Wood pula menyorot bagaimana kesatuan sekerja mesti membentuk strategi baru dalam menghadapi tekanan tadbir urus global dan perusahaan multinasional. Narayanan mengaplikasikan prinsip ini melalui pembangunan jaringan serantau, mobilisasi tuntutan global, dan usaha membina solidariti strategik dengan kesatuan sekerja dari negara Dunia Ketiga.²⁴

Ketiga, pendekatan diplomasi subaltern seperti dirumuskan oleh Weiss menawarkan lensa penting dalam menafsirkan strategi Narayanan. Diplomasi subaltern menekankan bahawa aktor bukan negara, khususnya dari Selatan Global, boleh menggunakan peluang dalam struktur antarabangsa untuk menyuarakan tuntutan domestik ke arena global, menyaingi dominasi negara industri.²⁵

Dalam konteks NUPW dan Narayanan, lima mekanisme utama strategi diplomasi subaltern telah dikenalpasti dan diaplikasikan:

1. Penjenamaan moral ("Moral Framing") - Narayanan membingkaikan perjuangan pekerja ladang sebagai isu keadilan moral, bukan semata-mata isu ekonomi.²⁶
2. Jaringan strategik ("Strategic Networking") - beliau membina hubungan erat dengan pemimpin seperti George Meany, Willy Brandt dan Indira Gandhi, mengukuhkan kedudukan NUPW dalam jaringan buruh global.²⁷
3. Perundingan institusional ("Institutional Bargaining") - melalui ICFTU dan ILO, Narayanan memperjuangkan standard minimum buruh dan hak asasi di forum rasmi.²⁸
4. Mobilisasi rentas sempadan ("Cross-Border Mobilisation") - beliau melibatkan NUPW dalam solidariti Asia-Afrika dan Dunia Ketiga untuk memperkuat suara buruh Selatan Global.²⁹
5. Naratif hak asasi ("Human Rights Discourse") - Narayanan mengintegrasikan wacana hak asasi manusia ke dalam tuntutan buruh, mengangkat pekerja ladang sebagai subjek hak yang sah dalam perundangan antarabangsa.³⁰

Melalui kelima-lima strategi ini, P.P. Narayanan dan NUPW berjaya mengubah struktur peluang antarabangsa menjadi medan perjuangan aktif untuk buruh Malaysia. Pendekatan mereka bukan sekadar defensif terhadap globalisasi neoliberal, tetapi proaktif dalam membentuk naratif baru tentang keadilan global dari perspektif Selatan Global.

Gabungan prinsip Marxian tentang perjuangan kelas, teori Hyman tentang kesatuan sekerja dan kapitalisme, strategi transnasionalisme buruh Dibben, Flynn et al., Mellahi dan Wood, serta pendekatan diplomasi subaltern Weiss, meletakkan P.P. Narayanan sebagai tokoh utama dalam internasionalisasi perjuangan buruh Dunia Ketiga.

Melalui kerangka ini, artikel ini menelusuri bagaimana P.P. Narayanan mewujudkan satu bentuk diplomasi alternatif yang memperlihatkan bahawa agensi politik juga boleh digerakkan oleh mereka yang bukan berasal dari pusat kuasa negara, tetapi dari pinggiran masyarakat, yakni golongan buruh.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah kualitatif yang berasaskan prinsip pengumpulan dan penilaian kritikal terhadap sumber sejarah primer. Kaedah sejarah ialah proses sistematik yang merangkumi pengesanan, pengesahan, kritikan sumber, dan tafsiran intelektual terhadap bahan sejarah untuk membina gambaran masa lalu yang sahih dan berwibawa; proses ini bukan sekadar pengumpulan fakta, sebaliknya menuntut tanggungjawab akademik menilai sumber dari aspek kesahihan, konteks penghasilan, serta tujuan penulisan sejarah.³¹

Dalam konteks kajian ini yang menggunakan sumber biografi P.P. Narayanan, aspek kritik dalaman dan kritik luaran amat penting untuk menilai struktur, kandungan dan kredibiliti naratif yang dibentuk oleh penulis biografi. Sumber sejarah seperti biografi, surat, ucapan dan dokumen organisasi kesatuan tidak dilihat sebagai gambaran mutlak, tetapi sebagai representasi yang terbina daripada pengalaman, ideologi dan tujuan tertentu. Ini selari dengan pandangan Thomson bahawa setiap sumber sejarah adalah “constructed and selective representation of experience” dan tidak memberikan akses langsung yang bebas daripada penyelewengan atau pemaknaan semula terhadap peristiwa.³²

Menurut Gunn dan Faire pula, metodologi sejarah bukan hanya melibatkan teknik penyelidikan seperti penggunaan arkib atau dokumentasi, tetapi juga prinsip falsafah yang mendasari rasional pemilihan kaedah, termasuk persoalan definisi, prosedur dan pendekatan analisis.³³ Mereka menegaskan bahawa kekuatan penyelidikan sejarah terletak pada keupayaan penyelidik membina struktur kajian berasaskan sumber sahih serta justifikasi epistemologi terhadap data yang diperoleh. Malah, keunikan disiplin sejarah diukur melalui cara sejarawan membina dan menyiasat objek kajian, berbeza daripada pendekatan arkeologi atau sastera.³⁴

Tambahan lagi, menurut Muhd. Yusof, sejarah harus ditulis dengan sedar akan peranan etika dan tanggungjawab sejarawan dalam membina naratif yang tidak bersifat manipulatif, berat sebelah atau retorik semata-mata.³⁵ Hal ini amat penting kerana kajian ini tidak sekadar meneliti individu seperti P.P. Narayanan, tetapi juga mengangkat makna kepimpinan kesatuan sekerja dalam konteks sejarah marginalisasi dan perjuangan transnasional. Oleh itu,

pendekatan metodologi ini memberi keutamaan kepada analisis sumber sejarah sebagai dokumen ideologi yang membawa makna politik, etnik dan kelas yang kompleks.

Dengan menggunakan prinsip hermeneutik sejarah, penyelidikan ini menilai setiap sumber dalam konteks penghasilannya termasuklah faktor institusional, kedudukan pengarang dan naratif global yang mengelilingi perjuangan buruh era pascakolonial. Keseluruhannya, pendekatan ini membolehkan kajian menghubungkan pengalaman peribadi dan institusi seperti NUPW dengan perubahan struktur kuasa dalam sejarah antarabangsa buruh, sejajar dengan keperluan penyelidikan sejarah moden yang berasaskan “penggabungan antara naratif mikro dan struktur makro”.³⁶

Latar Belakang Sejarah: Pekerja Ladang dan Kolonialisme Ekonomi

Untuk memahami konteks perjuangan P.P. Narayanan dan signifikan usaha-usaha diplomatiknya, adalah penting untuk meninjau latar belakang sejarah pekerja ladang di Malaysia dan struktur kolonialisme ekonomi yang membentuk realiti mereka. Pembentukan sistem perladangan kolonial, pengalaman pekerja India di bawah sistem ini, dan legasinya dalam Malaysia pasca-kolonial menyediakan kerangka penting untuk menilai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Narayanan dalam usahanya untuk mengangkat suara golongan terpinggir ini ke pentas antarabangsa.

Pembentukan Ekonomi Perladangan Kolonial

Sistem perladangan di Tanah Melayu mempunyai akar yang mendalam dalam projek kolonial British. Menjelang akhir abad ke-19, pihak British melihat Tanah Melayu sebagai kawasan yang berpotensi tinggi untuk pengembangan perladangan getah bagi memenuhi permintaan industri global yang semakin meningkat. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Stenson, peralihan kepada ekonomi perladangan bermonokultur ini bukan semata-mata tindakan ekonomi, tetapi juga keputusan politik yang direka untuk mengintegrasikan Tanah Melayu ke dalam sistem ekonomi imperial yang lebih luas.³⁷

Pentadbiran kolonial British memainkan peranan utama dalam mempromosikan pembangunan perladangan dengan menyediakan infrastruktur, undang-undang tanah yang menggalakkan, dan sokongan pentadbiran kepada pemodal British dan Eropah lain. Selvaratnam menunjukkan bagaimana undang-undang seperti Kanun Tanah dan dasar konsesi tanah yang liberal membolehkan syarikat-syarikat perladangan Eropah memperoleh kawasan tanah yang luas dengan harga yang sangat murah.³⁸ Dasar-dasar ini secara langsung menyediakan asas institusi dan undang-undang untuk ekonomi perladangan.

Pada awal abad ke-20, landskap ekonomi Tanah Melayu telah berubah dengan ketara. Ladang-ladang getah yang luas menggantikan kawasan hutan dan pertanian tradisional. Menurut Jomo dan Wee, menjelang tahun 1920-an, Tanah Melayu telah menjadi pengeluar getah utama dunia, menghasilkan hampir setengah daripada bekalan getah global. Sistem ini direka untuk menyepadukan Tanah Melayu ke dalam ekonomi antarabangsa sebagai pengeksport bahan mentah sambil menyediakan pasaran untuk barangan keluaran British.³⁹

Perkembangan ekonomi perladangan ini disusun dengan cara yang mengekalkan kawalan British terhadap proses pengeluaran, pemasaran, dan pengagihan keuntungan. Syarikat-syarikat perladangan besar seperti Guthrie, Harrison & Crosfield, dan Sime Darby memonopoli sektor ini, dengan pejabat utama di London serta hubungan langsung dengan bank, syarikat perkapalan, dan pengilang British. Zawawi berhujah bahawa hubungan ekonomi ini mencerminkan struktur kolonial yang lebih luas di mana tanah jajahan dieksploitasi bagi faedah metropolis penjajah.⁴⁰

Satu aspek penting yang perlu diperhatikan adalah bahawa sistem perladangan kolonial direka untuk mengekstrak nilai maksimum dengan kos minimum, tanpa perhatian yang sewajarnya terhadap kebajikan pekerja. Data ekonomi dari zaman ini menunjukkan jurang yang ketara antara nilai eksport getah dan pendapatan pekerja ladang. Pada tahun 1929, sebagai contoh, Tanah Melayu mengeksport getah bernilai hampir £57 juta, namun pekerja ladang menerima upah yang hanya mencukupi untuk kehidupan subsisten, dengan purata £1 hingga £3 sebulan.⁴¹ Jurang keuntungan dan upah ini menggambarkan sifat eksploitatif sistem perladangan kolonial yang kemudiannya akan menjadi fokus kritikan Narayanan di forum antarabangsa.

Pengimportan Buruh India dan Pembentukan Proletariat Perladangan

Salah satu ciri paling penting dalam pembangunan ekonomi perladangan ialah dasar buruh kolonial yang memihak kepada pengimportan pekerja dari India Selatan. Sebagaimana yang didokumentasikan oleh Stenson, pihak penjajah British memilih untuk tidak bergantung pada penduduk Melayu tempatan untuk tenaga buruh perladangan, dengan alasan bahawa mereka lebih sesuai tinggal di kampung dan mengekalkan cara hidup agraria tradisional mereka. Sebaliknya, British memilih untuk “mengimport” tenaga buruh daripada tanah jajahan mereka yang lain, terutamanya dari Madras (kini Tamil Nadu) dan kawasan-kawasan lain di India Selatan.⁴²

Sistem kangani yang digunakan untuk merekrut pekerja India adalah mekanisme kritikal dalam proses ini. Selvaratnam menjelaskan bahawa kangani, biasanya bekas pekerja yang kembali ke kampung halaman mereka untuk merekrut lebih ramai pekerja dan menyediakan penghubung penting antara masyarakat luar bandar India dan perladangan di Tanah Melayu. Sistem ini bergantung pada campuran janji, hutang, dan kadangkala penipuan untuk membawa pekerja yang sebahagian besarnya buta huruf dan miskin merentasi Lautan Hindi.⁴³ Kebanyakan pekerja ini berasal dari kasta rendah dan kumpulan terpinggir dalam masyarakat India, yang telah menghadapi diskriminasi dan kemiskinan yang mendalam di tanah air mereka sendiri.

Keadaan migrasi ini mewujudkan asas bagi bentuk penindasan yang berterusan. Pekerja sering tiba di Tanah Melayu dengan bebanan hutang yang besar kepada kangani dan syarikat perladangan, yang mesti dibayar melalui upah yang diperoleh di ladang. Seperti yang ditekankan oleh Zawawi, ini mewujudkan bentuk perhambaan hutang yang mengikat pekerja kepada majikan mereka dan sangat menghadkan mobiliti sosial dan ekonomi mereka.⁴⁴

Statistik migrasi menunjukkan skala besar penghijrahan ini. Antara tahun 1844 dan 1941, dianggarkan lebih 2 juta pekerja India dibawa ke Tanah Melayu, dengan bilangan

tertinggi dicatatkan pada tahun 1920-an semasa ledakan getah. Sepanjang tahun 1930-an, populasi India di Tanah Melayu telah meningkat kepada hampir satu juta, dengan majoriti mereka bekerja di ladang-ladang.⁴⁵ Pekerja ini membentuk proletariat perladangan yang berbeza - kelas pekerja yang disisihkan secara geografi di kawasan terpencil, terpisah dari masyarakat tempatan oleh bahasa, budaya, dan struktur sosial yang dibentuk oleh sistem perladangan.

Keadaan ini menciptakan paradoks identiti yang kompleks untuk para pekerja ladang. Di satu pihak, mereka merupakan tenaga buruh yang penting bagi ekonomi kolonial, tetapi di pihak lain, mereka dilihat sebagai “orang luar” sementara yang tidak dianggap sebagai sebahagian dari pembangunan jangka panjang negeri. Malah, dasar imigresen British direka untuk memudahkan repatriasi pekerja yang tidak diperlukan lagi semasa kemelesetan ekonomi, seperti pada tahun 1930-an ketika lebih 200,000 pekerja India dipulangkan ke tanah air mereka.⁴⁶ Keadaan ini menggagalkan pembentukan identiti kolektif yang stabil dan sekali gus mengekang pemeraksanaan politik pekerja ladang India.

Keadaan Buruh dan Penindasan: Kehidupan di Ladang

Keadaan kehidupan dan kerja pekerja ladang India di bawah pemerintahan kolonial ditandai dengan kesukaran yang melampau. Menurut analisis Selvaratnam, pekerja ladang sering tinggal di perumahan yang sesak dan tidak mencukupi, dikenali sebagai “kongsi”, yang dibina dengan standard yang sangat minimum. Sanitasi yang tidak mencukupi, akses yang terhad kepada air bersih, dan kekurangan kemudahan perubatan menyumbang kepada kadar kematian dan penyakit yang tinggi.⁴⁷

Pada tahun 1930, laporan perubatan rasmi mencatatkan kadar kematian mencapai 19.4 per 1,000 di kalangan pekerja ladang, dengan penyakit seperti malaria, cirit-birit, beri-beri, dan tuberkulosis menjadi pembunuh utama. Lebih membimbangkan lagi, kadar kematian bagi kanak-kanak pekerja ladang mencecah 250 per 1,000, iaitu lebih dari dua kali ganda kadar keseluruhan Tanah Melayu.⁴⁸ Statistik ini jelas menunjukkan kegagalan dasar kesihatan dan kebajikan kolonial dalam menyediakan persekitaran yang selamat untuk pekerja dan keluarga mereka.

Hari kerja di ladang sangat panjang, biasanya bermula sebelum fajar dengan menoreh pokok getah dan memasang cawan lateks, diikuti dengan pelbagai tugas berat lain sehingga matahari terbenam. Stenson menjelaskan bahawa pekerja sering diminta untuk melaksanakan “tugas-tugas tambahan” di luar jadual kerja biasa mereka, tanpa pampasan yang mencukupi. Sistem kerja berasaskan tugas yang biasa digunakan di ladang-ladang juga memberikan tekanan yang ekstrem, dengan kegagalan untuk memenuhi kuota sering mengakibatkan pemotongan gaji atau hukuman.⁴⁹

Gaji pekerja ladang secara konsisten dikekalkan pada tahap yang hanya membolehkan kehidupan yang minimum. Jomo dan Wee mendokumentasikan bagaimana syarikat-syarikat perladangan dan pentadbiran kolonial secara sedar menetapkan gaji pada tahap “sara hidup,” yang ditakrifkan sebagai tahap minimum yang diperlukan untuk mengekalkan reproduksi tenaga kerja. Dasar ini secara eksplisit direka untuk memaksimumkan keuntungan, dengan kebajikan pekerja menjadi pertimbangan sekunder.⁵⁰

Sebelum gerakan kesatuan sekerja mencapai tahap pengaruh yang signifikan, data sejarah menunjukkan bahawa kadar upah penoreh getah di Tanah Melayu amat rendah dan tidak setimpal dengan sumbangan mereka kepada ekonomi kolonial. Antara tahun 1884 hingga 1941, upah harian penoreh lelaki hanya meningkat sebanyak 28 sen, manakala bagi penoreh wanita peningkatannya sekadar 24 sen, meskipun industri getah mengalami perkembangan pesat dan bergantung sepenuhnya kepada tenaga buruh India yang diimport secara besar-besaran.⁵¹ Keadaan ini bukan sahaja mencerminkan tahap eksploitasi ekonomi yang mendalam, tetapi juga memperlihatkan diskriminasi upah berasaskan jantina sebagai sebahagian daripada struktur ketidakadilan dalam ekonomi kolonial. Aspek inilah yang menjadi antara keprihatinan utama dalam aktivisme awal P.P. Narayanan, yang melihat isu upah sebagai asas kepada perjuangan kesatuan sekerja dan keperluan membina solidariti kelas merentas sempadan gender dan etnik.

Zawawi menekankan bahawa di luar eksploitasi ekonomi, terdapat juga penghinaan sosial yang mendalam yang dialami oleh pekerja ladang. Sistem pengurusan perladangan distrukturkan mengikut hierarki perkauman dan kelas yang jelas, dengan pengurus Eropah di peringkat teratas, kakitangan pentadbiran dan penyelia Ceylonese atau Melayu di tengah, dan pekerja ladang India di bahagian bawah. Hierarki ini diperkukuh melalui amalan sosial dan bahasa; pekerja selalu dirujuk sebagai “kuli” dan kerap dilayan dengan budi bahasa yang minimal.⁵²

Akibat dari penindasan struktural ini adalah peminggiran sosial dan ekonomi yang mendalam. Selain telah dimanipulasi oleh sistem hutang, pekerja ladang juga mengalami penyisihan dari masyarakat yang lebih luas. Pendidikan formal kekal tidak boleh diakses, dan kawasan perladangan sering diisolasi secara fizikal dari pusat bandar, mengehadkan kemungkinan interaksi dengan komuniti lain atau pendedahan kepada peluang alternatif.

Permulaan Organisasi Pekerja dan Penindasan Kesatuan Sekerja Awal

Walaupun menghadapi banyak halangan, pekerja ladang India mula mengambil langkah-langkah awal ke arah organisasi kolektif pada 1920-an dan 1930-an. Stenson menyoroti bagaimana pemimpin nasionalis dan sosialis India memainkan peranan penting dalam memupuk kesedaran di kalangan pekerja tentang hak-hak mereka dan keperluan untuk tindakan kolektif. Pemimpin-pemimpin awal seperti R.H. Nathan dan S.A. Ganapathy memulakan usaha-usaha untuk menubuhkan kesatuan sekerja dalam kalangan pekerja ladang, walaupun menghadapi tentangan yang kuat dari majikan dan pihak berkuasa kolonial.⁵³

Ketika Perang Dunia Kedua berakhir, perjuangan buruh mengalami peningkatan yang ketara. Pada tahun 1946, Persatuan Pekerja Umum Pan-Malaysia (Pan-Malayan General Labour Union atau PMGLU) ditubuhkan di bawah pengaruh komunis, dan menarik keahlian sebanyak 263,598 pekerja pada penghujung tahun yang sama, termasuk pekerja dari pelbagai sektor termasuk perladangan. Pada tahun 1947, kesatuan sekerja ini mengetuai 300 mogok yang melibatkan hampir 700,000 pekerja.⁵⁴ Statistik ini menunjukkan potensi yang kuat untuk membina solidariti buruh merentas sempadan etnik dan industri.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha awal ke arah pengorganisasian pekerja ladang menghadapi penindasan yang teruk. Mohamed Salleh menjelaskan bahawa pentadbiran kolonial British memandang aktiviti kesatuan sekerja dengan syak dan kebimbangan, melihatnya sebagai cabaran terhadap autoriti kolonial dan sistem ekonomi yang telah

ditubuhkan. Pemimpin kesatuan sekerja sering menghadapi gangguan, pengusiran, dan ada kalanya dihalang secara fizikal daripada memasuki kawasan perladangan.⁵⁵

Ordinan Kesatuan Sekerja 1940 menyediakan kerangka undang-undang yang ketat untuk mengawal aktiviti kesatuan sekerja, termasuk peruntukan bagi pendaftaran dan pengawasan kerajaan. Sher dan Chen berhujah bahawa undang-undang ini direka bukan untuk melindungi hak pekerja untuk berorganisasi, tetapi untuk memastikan bahawa aktiviti kesatuan sekerja kekal dalam ruang lingkup yang boleh diterima oleh pentadbiran kolonial.⁵⁶

Situasi menjadi lebih kompleks selepas Perang Dunia Kedua. Pembentukan Pan-Malayan Federation of Trade Unions (PMFTU) yang berorientasikan komunis pada tahun 1946 membawa ke arah cabaran yang lebih berkesan terhadap hierarki kolonial, tetapi juga mencetuskan tindak balas yang lebih keras daripada pihak berkuasa. Pengisytiharan Darurat pada tahun 1948 dan tindakan keras terhadap pergerakan buruh yang dilihat berkaitan dengan Parti Komunis Malaya (PKM) membawa kepada penindasan yang teruk terhadap pemimpin kesatuan sekerja yang lebih militan.⁵⁷

Dalam konteks ini, kesatuan buruh yang lebih “sederhana” seperti NUPW muncul sebagai alternatif yang dibenarkan wujud oleh pentadbiran kolonial, dengan syarat kesatuan sekerja ini menumpukan kepada isu-isu kebajikan dan ekonomi pekerja dan bukannya agenda politik radikal. Morais menjelaskan bagaimana P.P. Narayanan, selepas penggabungan beberapa kesatuan sekerja kecil, telah memainkan peranan penting dalam penubuhan NUPW yang rasmi pada tahun 1954, dengan mengumpulkan 50,000 ahli pada peringkat awalnya.⁵⁸ Beliau mengguna pakai pendekatan moderat yang mementingkan perundingan berbanding konfrontasi, strategi yang membolehkan kesatuan sekerja untuk hidup di bawah peraturan yang ketat, tetapi juga menghadkan skop tuntutan yang boleh dibuat.

Legasi Kolonial dalam Ekonomi Pasca-Kemerdekaan

Transisi Tanah Melayu kepada kemerdekaan tidak membawa perubahan mendasar dalam struktur ekonomi perladangan atau keadaan pekerja ladang. Seperti yang ditekankan oleh Jomo dan Wee, konfigurasi ekonomi pasca-kolonial fasa awal sangat dibentuk mengikut kepentingan Barat. Persetujuan kemerdekaan termasuk jaminan bahawa kepentingan ekonomi British akan dilindungi, bermakna bahawa pemilikan asing ke atas sektor perladangan berterusan menjadi ciri ekonomi Malaysia yang baru muncul.⁵⁹

Selvaratnam berhujah bahawa legasi berkekalan yang paling signifikan dari era kolonial adalah segmentasi perkauman tenaga buruh, di mana kumpulan etnik tertentu terus dikaitkan dengan fungsi ekonomi tertentu. Pekerja ladang India terus terkurung dalam sektor yang dicirikan oleh upah rendah, ketidakstabilan, dan penghargaan sosial yang minimum.⁶⁰ Terdapat sedikit dorongan daripada kelas pemerintah baru untuk mengubah keadaan ini, memandangkan pekerja ladang India mewakili sebahagian kecil daripada asas pengundi dan kurang pengaruh politik.

Kesinambungan lain dari zaman kolonial ialah struktur undang-undang dan institusi yang mengawal pergerakan buruh. Sebagaimana yang didokumentasikan oleh Sher dan Chen, Ordinan Kesatuan Sekerja 1959, yang digubal selepas kemerdekaan, sangat dipengaruhi oleh

pendekatan berorientasikan kawalan terhadap pergerakan buruh yang diwarisi dari pentadbiran kolonial. Kerajaan baharu, yang dipimpin oleh Parti Perikatan, meneruskan dasar yang melihat aktiviti kesatuan sekerja yang bebas sebagai berpotensi mengancam pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik.⁶¹

Data ekonomi menunjukkan bahawa walaupun Malaysia merdeka mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat, hasil kemakmuran ini tidak diagihkan secara adil. Menjelang tahun 1970, sektor perladangan masih mencatatkan tahap kemiskinan yang tertinggi di Malaysia, dengan 40% isi rumah pekerja ladang hidup di bawah garis kemiskinan berbanding kadar kebangsaan sebanyak 29.2%.⁶² Statistik ini menunjukkan bahawa struktur ekonomi pasca-merdeka gagal untuk menangani ketidakseimbangan sistematik yang diwarisi dari era kolonial.

Dalam konteks ini, Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) muncul sebagai satu-satunya kesatuan sekerja yang besar yang mewakili pekerja ladang. Sementara organisasi ini menyediakan satu bentuk perwakilan, ia beroperasi dalam batasan politik dan ekonomi yang ketat. Zawawi menggambarkan NUPW awal sebagai organisasi yang cenderung kepada “unionisme perniagaan”, menumpukan usaha pada perundingan berkaitan gaji dan had-had kesatuan sekerja yang lain, lebih daripada mencabar ketidakadilan struktural dalam sistem.⁶³

P.P. Narayanan tampil dalam konteks sejarah yang kompleks ini. Sebagai Setiausaha Agung NUPW, beliau mewarisi organisasi yang beroperasi dalam lingkungan kerangka undang-undang dan sosial yang sangat membatasi, mewakili kumpulan pekerja yang terus dipinggirkan secara ekonomi dan politik. Cabaran beliau adalah untuk mengubah organisasi ini menjadi alat yang berkesan untuk kemajuan pekerja ladang, mencari cara untuk menavigasi dan menggunakan sistem politik domestik dan antarabangsa untuk manfaat ahli-ahlinya.

Kajian terhadap legasi kolonial ini penting untuk memahami strategi Narayanan kemudiannya. Beliau menyedari bahawa masalah pekerja ladang India tidak boleh diselesaikan sepenuhnya dalam ruang politik domestik kerana struktur kuasa yang tidak seimbang dan prioriti pembangunan negara yang sering mengabaikan kepentingan golongan minoriti. Oleh itu, pendekatan diplomasi subaltern yang dilaksanakan oleh Narayanan muncul sebagai respons strategik terhadap peminggiran struktural yang berakar dalam sejarah kolonial dan berterusan dalam Malaysia pasca-merdeka.

P. P. Narayanan dalam Arena Antarabangsa: Strategi, Rangkaian dan Diplomasi

Kemunculan P.P. Narayanan di pentas antarabangsa mewakili suatu peralihan penting dalam gerakan buruh Malaysia. Sebagai Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) dan kemudiannya Presiden pertama Asia bagi Konfederasi Antarabangsa Kesatuan Sekerja Bebas (ICFTU), Narayanan berjaya mengangkat suara pekerja ladang Malaysia ke arena global. Pencapaian ini bukan sekadar kejayaan peribadi, tetapi mencerminkan satu model “diplomasi golongan marginal” yang penting untuk difahami dalam konteks teori buruh transnasional dan solidariti global.

Peranan dalam ICFTU dan Badan Antarabangsa

Pelantikan Narayanan sebagai Presiden ICFTU pada tahun 1975 menandakan satu pencapaian yang luar biasa bagi wakil dari negara membangun seperti Malaysia. Sebagai orang Asia pertama yang memegang jawatan ini, beliau membawa perspektif Selatan Global ke dalam organisasi yang sebelumnya didominasi oleh pengaruh Eropah dan Amerika Utara. Kedudukan ini bukan sekadar simbolik tetapi membuka ruang untuk Narayanan mempengaruhi agenda antarabangsa dalam beberapa cara strategik.

Pertama, beliau memanfaatkan platform ICFTU untuk menyebarkan kesedaran tentang keadaan pekerja ladang di Malaysia dan di seluruh negara membangun. Dalam ucapannya di Berlin, Stockholm, dan Geneva, Narayanan secara eksplisit mengaitkan pengalaman pekerja Malaysia dengan perjuangan global melawan ketidaksetaraan dan eksploitasi.⁶⁴ Pendekatan ini mencerminkan apa yang digambarkan oleh Hyman sebagai strategi untuk mengatasi sempadan tempatan dan membina “sokongan bersilang” di peringkat antarabangsa.⁶⁵

Kedua, Narayanan menggunakan kedudukannya untuk menuntut reformasi institusi antarabangsa seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Bank Dunia, dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF). Beliau berhujah bahawa institusi-institusi ini terlalu berfokus pada pertumbuhan ekonomi dan kestabilan pasaran tanpa memberi perhatian yang mencukupi kepada kesan dasar-dasar mereka terhadap pekerja. Pendirian kritikal ini selaras dengan teori Marx (2006) tentang kontradiksi kapitalisme, di mana imperatif pertumbuhan dan keuntungan sering mengorbankan kebajikan pekerja.⁶⁶

Ketiga, Narayanan menjadi juru bicara bagi kumpulan buruh marginal yang sering diabaikan dalam wacana antarabangsa terutamanya pekerja dari sektor perladangan, pertanian, dan sektor tidak formal. Dalam konteks ini, beliau mempraktikkan apa yang didefinisikan oleh Dikken sebagai strategi untuk “memberi suara kepada mereka yang tidak bersuara.”⁶⁷

Tuntutan Terhadap Hak Pekerja dalam Forum Antarabangsa

Keberkesanan Narayanan dalam forum antarabangsa terletak pada keupayaannya untuk menggabungkan bukti empirik dengan rangka kerja moral yang kuat. Dalam pertemuan UNCTAD, GATT, dan IMF, beliau tidak hanya membentangkan statistik tentang keadaan pekerja ladang, tetapi juga mempersoalkan asas moral sistem ekonomi antarabangsa yang memperkukuh ketidaksetaraan.

Narayanan merupakan pengkritik yang vokal terhadap dasar perdagangan yang hanya menguntungkan negara maju sambil meminggirkan negara membangun. Beliau menggesa semakan semula terhadap syarat-syarat perdagangan yang tidak adil dan menekankan perlunya peraturan yang melindungi hak pekerja dalam perjanjian perdagangan. Kritikal beliau mengenai ketidaksetaraan ini mencerminkan analisis Flanders (1975) tentang bagaimana kesatuan sekerja perlu memainkan peranan dalam mengimbangi kuasa ekonomi dengan keadilan sosial.⁶⁸

Dalam forum ILO, Narayanan berjuang untuk pengiktirafan keadaan kerja yang unik bagi pekerja ladang dan pertanian. Beliau menuntut standard global khusus yang mengawal aspek seperti keselamatan, upah minimum, dan perlindungan sosial bagi sektor perladangan. Pendekatan ini menggambarkan teori Hyman tentang bagaimana kesatuan sekerja boleh menimbulkan isu-isu kelas dengan cara yang mencabar struktur kuasa yang lebih luas.⁶⁹

Strategi Diplomasi Moral dan Naratif Kesengsaraan Buruh

Satu aspek penting dalam diplomasi antarabangsa Narayanan ialah penggunaan naratif moral yang mengaitkan kesengsaraan buruh dengan tanggung jawab negara maju dan syarikat multinasional. Beliau secara berkesan menggunakan apa yang boleh digambarkan sebagai “politik malu” (“politics of shame”) untuk menuntut perubahan dari pihak yang berkuasa. Hal ini adalah sebagaimana yang dinytakan oleh Nussbaum sebagai sebahagian daripada wacana emosi dalam masyarakat liberal di dalam ruang awam untuk mengawal kumpulan tertentu akibat daripada ketidakseimbangan yang wujud.⁷⁰

Dalam ucapan di Geneva pada tahun 1978, Narayanan secara terang-terangan membandingkan keuntungan besar syarikat getah multinasional dengan keadaan hidup miskin pekerja ladang yang mengeluarkan getah tersebut. Strategi retorik ini, yang memfokuskan pada kontradiksi moral dalam kapitalisme global, mencerminkan pendekatan yang dijelaskan oleh Marx mengenai bagaimana mendedahkan pengeksploitasian buruh tersembunyi dalam sistem kapitalis.⁷¹

Narayanan juga membina naratif yang menyepadukan pengalaman pekerja ladang Malaysia dengan perjuangan anti-kolonial dan post-kolonial yang lebih luas. Beliau berhujah bahawa eksploitasi buruh adalah kesinambungan daripada penjajahan ekonomi, hanya dalam bentuk baru. Rangka kerja ini selaras dengan analisis Hyman tentang bagaimana kesatuan sekerja di negara bekas jajahan sering beroperasi dalam konteks ini.⁷² Keberkesanan pendekatan moral Narayanan dapat dilihat dalam usahanya untuk memaksa syarikat multinasional menerima tanggungjawab bagi keadaan dalam rantai bekalan mereka. Beliau mempelopori idea “kod tingkah laku korporat” yang kini menjadi bahagian penting dalam dasar tanggungjawab sosial korporat. Pendekatan ini menunjukkan apa yang diperincikan oleh Dibben sebagai cara kesatuan sekerja boleh menggabungkan tekanan ekonomi dengan tekanan moral untuk mencapai perubahan struktural.⁷³

Hubungan dengan Tokoh dan Rangkaian Antarabangsa

Ketajaman diplomatik Narayanan diperlihatkan melalui rangkaian meluas yang beliau bina dengan pemimpin antarabangsa seperti Indira Gandhi, Willy Brandt, Bob Hawke, dan George Meany. Hubungan ini bukan sekadar peribadi tetapi strategik, membolehkan beliau memobilisasi sokongan politik untuk isu-isu buruh dalam pelbagai konteks.

Hubungan beliau dengan Perdana Menteri India Indira Gandhi, contohnya, membolehkan dialog tentang keadaan pekerja keturunan India di Malaysia, membuka laluan untuk pendekatan yang lebih konstruktif terhadap isu ini. Begitu juga, persahabatannya dengan Bob Hawke, pemimpin kesatuan sekerja Australia yang kemudiannya menjadi Perdana Menteri, membina jambatan solidariti penting antara gerakan buruh Malaysia dan Australia. Melalui rangkaian ini, Narayanan berjaya mempraktikkan apa yang dijelaskan oleh Hyman sebagai “solidariti yang berprinsip” merentasi sempadan nasional.⁷⁴ Beliau mengembangkan konsep solidariti buruh antarabangsa dari slogan retorik kepada praktik nyata di mana pekerja dari pelbagai negara boleh saling menyokong perjuangan masing-masing.⁷⁵ Seperti yang ditekankan oleh Rigby et al., keberkesanan hubungan antarabangsa sedemikian bergantung pada keupayaan pemimpin kesatuan sekerja untuk melakukan “penterjemahan antara konteks”, satu kemahiran yang Narayanan buktikan melalui keupayaannya untuk menghubungkan isu-isu khusus Malaysia dengan agenda buruh global yang lebih luas.⁷⁶

Analisis Ucapan di London, Bonn, Geneva dan New Delhi

Ucapan-ucapan antarabangsa Narayanan menawarkan pandangan mendalam tentang pendekatan retorikal dan ideologikalnya. Dalam ucapan di London pada tahun 1973, beliau menggunakan istilah “perkongsian global” untuk menggesa hubungan yang lebih adil antara negara maju dan membangun⁷⁷ iaitu satu rangka yang mencerminkan pendekatan Flanders terhadap "pakatan sosial" dalam konteks antarabangsa.⁷⁸

Di Bonn, Narayanan menyampaikan kritikan yang lebih langsung tentang ketidakadilan sistem perdagangan antarabangsa, menggabungkan analisis ekonomi mendalam dengan seruan moral untuk perubahan.⁷⁹ Pendekatan ini menunjukkan apa yang ditekankan oleh Marx sebagai hubungan antara analisis materialistik dan imperatif etika dalam perjuangan buruh.⁸⁰ Ucapan-ucapannya di Geneva, terutamanya di hadapan ILO, menumpukan pada keperluan untuk memperluas kerangka hak asasi manusia untuk merangkumi hak-hak ekonomi dan sosial⁸¹, memperjuangkan apa yang Hyman definisikan sebagai “ekologi nilai-nilai” yang lebih luas dalam gerakan buruh.⁸²

Di New Delhi, beliau menggabungkan aspek identiti Asia dan solidariti Selatan-Selatan, menekankan bagaimana negara-negara pasca-kolonial perlu bekerjasama untuk mengejar model pembangunan yang lebih adil dan berpusatkan pekerja.⁸³ Pemikiran ini mencerminkan “unionisme gerakan sosial” yang dibincangkan oleh Dibben (2004), di mana kesatuan sekerja bekerjasama dalam koalisi antarabangsa yang lebih luas.⁸⁴

Kesan dan Warisan: Merubah Paradigma Global Mengenai Buruh Malaysia

Impak Narayanan dalam arena antarabangsa boleh diukur dari beberapa aspek. Pertama, beliau berjaya menukar imej buruh Malaysia di mata dunia, dari sekadar “kuli” kepada warga pekerja dengan maruah dan hak yang perlu dihormati. Perubahan persepsi ini selaras dengan apa yang dibincangkan oleh Hyman sebagai peralihan dari "buruh sebagai komoditi" kepada "buruh sebagai komuniti sosial."⁸⁵

Kedua, advokasi Narayanan membawa kepada penerimaan beberapa standard buruh antarabangsa yang memberi manfaat langsung kepada pekerja ladang di Malaysia dan negara membangun lain. Ini termasuk konvensyen ILO tentang keselamatan pekerja pertanian dan perlindungan sosial untuk pekerja migran.

Ketiga, pendekatan Narayanan meletakkan asas untuk bentuk solidariti antarabangsa yang lebih inklusif dan berprinsip, di mana suara dari Selatan Global tidak lagi pinggir tetapi pusat dalam gerakan buruh antarabangsa. Pencapaian ini mencerminkan konsep “internasionalisme dari bawah” yang dibincangkan oleh Flynn et al. sebagai alternatif kepada model solidariti yang diketuai oleh Utara Global.⁸⁶

Kesan dan Warisan: Internasionalisasi Perjuangan Buruh Malaysia

Internasionalisasi perjuangan buruh Malaysia yang dipelopori oleh P.P. Narayanan meninggalkan kesan mendalam bukan sahaja kepada gerakan kesatuan sekerja tempatan, tetapi juga kepada landskap hubungan industrial dan dasar sosial di Malaysia. Sebagai Setiausaha Agung NUPW dan Presiden ICFTU, Narayanan berjaya mentransformasikan posisi pekerja ladang dari objek eksploitasi menjadi subjek dengan hak, maruah dan suara dalam arena global.

Warisan internasionalisasi ini melangkaui pencapaian jangka pendek, membentuk struktur, naratif dan institusi yang terus relevan dalam konteks hubungan buruh kontemporari.

Impak ke atas Dasar Kerajaan Malaysia

Aktivisme antarabangsa Narayanan menghasilkan kesan langsung terhadap dasar kerajaan Malaysia berkaitan buruh dan kesatuan sekerja. Penglibatan beliau dalam arena antarabangsa mewujudkan tekanan eksternal yang mendorong kerajaan untuk bertindak lebih responsif terhadap keperluan pekerja, terutamanya dalam sektor perladangan.

Salah satu impak penting adalah peningkatan pengiktirafan kesatuan sekerja dalam proses perundingan dasar. Sebagaimana dijelaskan oleh Hyman, kesatuan sekerja yang mendapat sokongan antarabangsa sering memperoleh legitimasi yang lebih kuat di mata kerajaan mereka sendiri. Melalui kedudukan Narayanan dalam ICFTU, NUPW tidak lagi dipandang sebagai sekadar kesatuan sekerja tempatan, tetapi sebagai wakil pekerja yang diiktiraf di peringkat global. Kesan ini menjelma dalam bentuk jemputan kepada rundingan peringkat tinggi, termasuk konsultasi mengenai undang-undang buruh dan dasar ekonomi nasional.⁸⁷

Tekanan antarabangsa yang dimobilisasi oleh Narayanan turut menyumbang kepada reformasi perundangan yang lebih mesra pekerja. Sebagai contoh, memorandum yang dikemukakan kepada Perdana Menteri Tun Hussein Onn pada tahun 1977, yang menyifatkan undang-undang buruh sedia ada sebagai “menindas”, mendapat sokongan dari organisasi buruh antarabangsa seperti ICFTU.⁸⁸ Tekanan sedemikian, sebagaimana diterangkan oleh Flanders dapat mengubah dinamik kuasa antara buruh dan kerajaan, memaksa pihak berkuasa untuk memberi respons lebih serius terhadap tuntutan pekerja.⁸⁹

Dalam bidang keselamatan sosial dan perlindungan pekerja, usaha antarabangsa Narayanan membantu mempercepatkan pembentukan dasar yang lebih progresif. Penglibatan beliau dengan ILO dan badan-badan antarabangsa lain membawa standard global ke dalam perbincangan tempatan. Ini menyumbang kepada pengukuhan skema perlindungan seperti SOCSO dan EPF, serta peraturan keselamatan dan kesihatan yang lebih ketat terutama dalam sektor perladangan. Selaras dengan teori Hyman, penggunaan standard antarabangsa sebagai alat tekanan membolehkan kesatuan sekerja untuk mendapatkan perlindungan yang mungkin sukar dicapai melalui rundingan domestik semata-mata.⁹⁰

Peningkatan Autonomi NUPW dan Penyertaan dalam Pembangunan Dasar Sosial

Internasionalisasi yang diupayakan oleh Narayanan turut mentransformasi NUPW menjadi organisasi yang lebih autonomi dan berpengaruh dalam pembangunan dasar sosial Malaysia. Penglibatan antarabangsa bukan sahaja meluaskan perspektif kepimpinan kesatuan sekerja, tetapi juga meningkatkan kapasiti teknikal dan sumber kewangan mereka.

Menurut Flynn et al., kesatuan sekerja yang terlibat dalam rangkaian antarabangsa sering mengembangkan bentuk-bentuk demokrasi dalaman yang lebih canggih, termasuk struktur perwakilan yang lebih responsif dan mekanisme akauntabiliti yang lebih kuat.⁹¹ Hal ini terbukti dalam NUPW di bawah kepimpinan Narayanan, di mana hubungan antarabangsa

membolehkan kesatuan sekerja mengakses latihan, pertukaran pengalaman, dan model tadbir urus yang inovatif dari kesatuan sekerja di seluruh dunia.

Rangkaian antarabangsa juga menyumbang kepada kapasiti NUPW untuk terlibat dalam pembangunan dasar sosial yang lebih luas. Narayanan memanfaatkan pengalaman global untuk memastikan kesatuan sekerja tidak hanya berunding tentang upah dan syarat kerja, tetapi turut terlibat dalam pembangunan skema perumahan, program pendidikan, dan inisiatif kebajikan untuk pekerja ladang. Pendekatan ini menggambarkan konsep “unionisme gerakan sosial” seperti yang digariskan oleh Dibben, di mana kesatuan sekerja menjangkau fungsi tradisional untuk menjadi pemain dalam pembangunan sosial secara menyeluruh.⁹²

Hubungan antarabangsa yang dibina oleh Narayanan juga meningkatkan kemampuan NUPW untuk menggerakkan sumber kewangan dan kepakaran untuk projek khusus. Beliau memperoleh sokongan dari rangkaian antarabangsa untuk membiayai program-program seperti asrama untuk anak-anak pekerja ladang, skim latihan kemahiran, dan koperasi kredit yang menyediakan pinjaman dengan faedah rendah kepada ahli. Keupayaan untuk mengakses sumber ini mencerminkan apa yang Marx gambarkan sebagai kepentingan “solidariti kelas” dalam mengatasi keterbatasan sumber yang dihadapi oleh pekerja secara individu.⁹³

Perubahan dalam Naratif Hak Pekerja - dari Domestik ke Global

Sumbangan penting Narayanan terletak pada kemampuannya mengubah naratif mengenai hak pekerja dalam konteks Malaysia. Melalui internasionalisasi, beliau berjaya merangka semula perjuangan pekerja ladang dari isu domestik yang terencil menjadi sebahagian daripada wacana keadilan global.

Pergeseran naratif ini pertama-tama terlihat dalam bagaimana isu buruh dibingkai dalam wacana awam Malaysia. Sebelum aktivisme antarabangsa Narayanan, masalah pekerja ladang sering dilihat sebagai urusan dalaman yang terbatas pada hubungan majikan-pekerja. Namun, melalui ceramah, kenyataan akhbar, dan penerbitan seperti *Union Herald*, Narayanan secara konsisten mengaitkan keadaan pekerja ladang dengan trend global seperti hak asasi manusia, pembangunan pasca-kolonial, dan keadilan ekonomi antarabangsa.⁹⁴

Internasionalisasi juga mengubah bagaimana pekerja ladang memandang diri mereka sendiri. Sebagaimana dicatat oleh Hyman, kesedaran kelas pekerja sering diperkuat apabila perjuangan mereka diletakkan dalam konteks yang lebih luas.⁹⁵ Para pekerja yang sebelumnya melihat diri mereka sebagai “kuli” mula mengenali diri sebagai warga pekerja dengan hak universal yang dilindungi oleh instrumen antarabangsa seperti Deklarasi Hak Asasi Manusia dan konvensyen ILO. Perubahan kesedaran ini memperkuat keyakinan kolektif dan kemampuan untuk membuat tuntutan.

Lebih penting lagi, Narayanan berjaya mengubah naratif tentang kedudukan pekerja ladang dalam ekonomi global. Beliau mendedahkan bahawa kesengsaraan mereka bukan hasil kemalangan sejarah atau kekurangan daya saing, tetapi akibat struktur perdagangan dan pelaburan yang tidak adil yang menguntungkan syarikat multinasional dan negara maju. Analisis ini mencerminkan teori Marx tentang bagaimana hubungan modal-buruh dalam kapitalisme global secara sistematik memarginalisasikan pekerja di negara membangun.⁹⁶

Dengan menekankan dimensi global dari ketidakadilan yang dihadapi pekerja ladang, Narayanan meletakkan asas untuk strategi solidariti antarabangsa dalam menangani masalah tersebut. Beliau membentuk pemahaman bahawa perjuangan tempatan tidak dapat dipisahkan dari perubahan global yakni satu kerangka yang terus mempengaruhi gerakan buruh Malaysia hingga ke hari ini.

Sumbangan Terhadap Penginstitutionan Solidariti Buruh Serantau dan Antarabangsa

Penglibatan Narayanan dalam ICFTU membuka pintu bagi penyertaan yang lebih bermakna dari kesatuan sekerja Asia dalam organisasi buruh global. Sebelum kepemimpinannya, ICFTU seperti banyak badan antarabangsa lain yang didominasi oleh perspektif dan kepentingan kesatuan sekerja Eropah dan Amerika Utara. Narayanan berusaha untuk mengimbangkan situasi ini, memastikan bahawa konsep seperti hak buruh, upah yang adil, dan keadaan kerja yang selamat ditafsirkan dengan cara yang relevan dengan realiti pekerja di negara membangun.⁹⁷

Narayanan juga menyumbang kepada institusionalisasi metodologi solidariti yang lebih efektif. Beliau menekankan bahawa solidariti harus melampaui retorik dan manifesto, mengambil bentuk praktis seperti pertukaran maklumat, kampanye bersama, dan tekanan diplomatik yang terkoordinasi. Pendekatan ini sejajar dengan analisis Hyman tentang bagaimana solidariti antarabangsa perlu berdasarkan kerjasama yang konkrit dan bukan sekadar slogan.⁹⁸

Pendekatan Narayanan terhadap solidariti antarabangsa telah memasukkan dimensi pengetahuan dan pendidikan. Beliau memulakan program pertukaran di mana pemimpin kesatuan sekerja Malaysia boleh mengunjungi negara lain untuk belajar tentang strategi, struktur organisasi, dan teknik perundingan kolektif. Program-program ini mencerminkan apa yang didokumentasikan oleh Flynn et al. sebagai “rangkaiian pembelajaran” yang penting untuk inovasi dan pembaharuan dalam gerakan kesatuan sekerja.⁹⁹

Tidak kurang pentingnya, Narayanan meletakkan asas bagi konsep “solidariti setara” antara kesatuan sekerja Utara dan Selatan. Berbeza dengan model tradisional di mana kesatuan sekerja dari negara maju menyalurkan bantuan kewangan dan nasihat kepada rakan-rakan mereka di negara membangun, Narayanan mencadangkan pendekatan yang lebih bersifat kerjasama di mana semua pihak menyumbang kepada strategi dan penyelesaian bersama. Pendekatan ini mencerminkan teori Dikken tentang bagaimana unionisme gerakan sosial memerlukan pendekatan tidak hierarki terhadap solidariti antarabangsa.¹⁰⁰

Cabaran dan Keterbatasan: Marginalisasi Buruh India Walaupun Rangkaian Antarabangsa Meluas

Meskipun kejayaan Narayanan dalam membawa suara pekerja Malaysia ke pentas antarabangsa tidak dapat disangkal, warisan beliau menghadapi cabaran-cabaran penting. Yang utama adalah kegagalan untuk sepenuhnya mengatasi marginalisasi pekerja India dalam struktur ekonomi dan politik Malaysia. Seperti yang dikemukakan oleh Marx, transformasi struktur sosial memerlukan perubahan dalam hubungan produksi yang mendasar, bukan hanya pencapaian hak-hak tertentu dalam sistem yang sedia ada.¹⁰¹ Usaha antarabangsa Narayanan, walaupun berjaya dalam menghadapi beberapa ketidakadilan, tidak dapat mengatasi

sepenuhnya posisi struktural pekerja ladang kebanyakannya etnik India dalam ekonomi Malaysia yang terus mengalami transformasi.

Hyman turut menjelaskan bahawa kesatuan sekerja sering terjat dalam kontradiksi mereka berjuang untuk reformasi dalam sistem kapitalis sambil secara tidak sengaja mengekalkan sistem itu sendiri.¹⁰² Dalam kes Narayanan, kejayaan antarabangsa mungkin secara paradoks telah membantu melegitimasi beberapa aspek sistem buruh Malaysia yang masih mengaburkan ketidakadilan. Pengiktirafan antarabangsa beliau sebagai pemimpin buruh memberi kesan kelegaan diplomatik kepada kerajaan Malaysia, walaupun banyak masalah asas masih belum diselesaikan.

Cabaran penting lain adalah ketidakmampuan untuk menterjemahkan pengaruh antarabangsa menjadi peningkatan kuasa politik tempatan yang setara. Walaupun berjaya di arena antarabangsa, pekerja ladang dan pemimpin mereka terus menghadapi halangan dalam mencapai pengaruh politik yang seimbang dalam konteks Malaysia. Flynn et al. menerangkan fenomena ini sebagai “asimetri mobilisasi”, di mana kesatuan sekerja boleh efektif dalam memobilisasi sokongan antarabangsa tetapi tidak dapat menghasilkan pengaruh politik yang setara di peringkat domestik.¹⁰³

Kesimpulan

Internasionalisasi perjuangan buruh Malaysia yang dirintis oleh P.P. Narayanan telah menghasilkan kesan dan warisan yang transformatif. Beliau berjaya mengubah kedudukan NUPW dari kesatuan sekerja tempatan menjadi peserta penting dalam jaringan solidariti global, meningkatkan pengiktirafan kesatuan sekerja dan penyertaan dalam pembangunan dasar, serta membentuk semula naratif mengenai hak pekerja dalam konteks post-kolonial.

Warisan Narayanan termanifestasi dalam struktur institusi, seperti jaringan solidariti serantau, program pendidikan, dan mekanisme perlindungan sosial yang dikukuhkan melalui penglibatan antarabangsa. Namun, beliau juga mewariskan cabaran berterusan untuk mengatasi marginalisasi struktural pekerja, terutamanya komuniti India, dalam ekonomi dan masyarakat Malaysia.

Pengalaman Narayanan menunjukkan bagaimana diplomasi subaltern boleh memanfaatkan platform dan rangkaian antarabangsa untuk mempertingkatkan suara kumpulan yang dipinggirkan. Pendekatan ini, yang menggabungkan diplomasi teknikal dengan naratif moral, memberi pandangan tentang bagaimana gerakan buruh kontemporari boleh menavigasi persekitaran global yang semakin kompleks.

Sebagai “diplomat subaltern”, Narayanan membuktikan bahawa aktor bukan negara dari Selatan Global boleh memainkan peranan berpengaruh dalam membentuk wacana antarabangsa tentang keadilan sosial dan ekonomi. Beliau mencipta model kepimpinan kesatuan sekerja yang berakar dalam realiti tempatan tetapi mempunyai jangkauan global, satu pendekatan yang masih relevan dalam menghadapi cabaran buruh di era globalisasi hari ini.

Secara keseluruhan, legasi P.P. Narayanan menegaskan pentingnya melihat perjuangan buruh bukan sekadar sebagai isu domestik, tetapi sebagai komponen dalam wacana keadilan global yang lebih luas. Beliau menunjukkan bahawa solidariti pekerja melampaui sempadan geografi dan etnik, dan bahawa suara dari pinggiran mampu membawa perubahan di peringkat

nasional dan antarabangsa apabila berjaya menavigasi struktur kuasa global dengan strategik dan berprinsip.

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya di atas sokongan terhadap penyelidikan ini.

Biodata

*Shamsul Azri bin Mohd Radzi (shamsulazrimohdradzi@outlook.com) merupakan calon Doktor Falsafah (PhD) Sains Politik (Falsafah Politik) di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia.

Received: 7 Mei 2025

Reviewed: 4 Jun 2025

Accepted: 29 Jun 2025

Nota

¹ Michael Stenson, *Class, Race and Colonialism in Peninsular Malaysia: A Political History of Malaysian Indians*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre SIRD & Pusat Sejarah Rakyat, 2019, hlm.160.

² J. Victor Morais, *P.P. Narayanan: A World Trade Unionist*, Petaling Jaya: Unik Printguide, 1983, hlm. 315; Meredith L. Weiss, "Civil Society in Politics and Southeast Asia in Civil Society: Conceptual Foundations," in *Routledge Handbook of Civil and Uncivil Society in Southeast Asia*, eds. Eva Hansson and Meredith L. Weiss, London: Routledge, 2023, hlm.5.

³ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 318–319; Viswanathan Selvaratnam, "Malaysia's South Indian 'Coolies': Legacies of Imperialism, Colonial Capitalism and Racism," in *Contesting Malaysia's Integration into the World Economy*, eds. Rajah Rasiah, Azirah Hashim, and Jatswan S. Sidhu, Singapore: Springer, 2021, hlm.175–176.

⁴ Meredith L. Weiss, *Protest and Possibilities: Civil Society and Coalitions for Political Change in Malaysia*, Stanford, CA: Stanford University Press, 2006, hlm. 5.

⁵ L. Sher and Voon Shian Chen, *Trade Unions in Malaysia*, Singapura: CCH Asia Pte Limited, 2011, hlm. 84.

⁶ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 78–81.

⁷ Abdul Rahman Embong, "Revisiting Malaya: Envisioning the Nation, the History of Ideas and the Idea of History," in *Revisiting Malaya: Uncovering Historical and Political Thoughts in Nusantara*, ed. Show Ying Xin dan Ngoi Guat Peng, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2020, hlm. 17–36; Zawawi Ibrahim, *The Malay Labourer: By the Window of Capitalism*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2022, hlm. xvii.

⁸ Richard Hyman, *Understanding European Trade Unionism: Between Market, Class and Society*, London: SAGE Publications, 2001, hlm. 1-2, 4–5; Pauline Dibben, "Social Movement Unionism," in *Trade Unions and Democracy: Strategies and Perspectives*, eds. Mark Harcourt dan Geoffrey Wood, Manchester: Manchester University Press, 2004, hlm. 287–289;" Meredith L. Weiss, "Civil Society in Politics and Southeast Asia in Civil Society: Conceptual Foundations", in *Routledge Handbook of Civil and Uncivil Society in Southeast Asia*, ed. Eva Hansson dan Meredith L. Weiss, London: Routledge, 2023, hlm. 12.

⁹ Muhd. Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016, hlm. 208.

¹⁰ Antonio Gramsci, *Selections from the Prison Notebooks*, ed. trans. Quentin Hoare and Geoffrey Nowell Smith, London: ElecBook, 1999, hlm. 202-205.

¹¹ Michael Stenson, *Class, Race and Colonialism in Peninsular Malaysia: A Political History of Malaysian Indians*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre SIRD & Pusat Sejarah Rakyat, 2019, hlm. 164.

- ¹² Viswanathan Selvaratnam, "Malaysia's South Indian 'Coolies': Legacies of Imperialism, Colonial Capitalism and Racism," in *Contesting Malaysia's Integration into the World Economy*, eds. Rajah Rasiah, Azirah Hashim, dan Jatswan S. Sidhu, Singapura: Springer, 2021, hlm. 173.
- ¹³ Jomo Kwame Sundaram and Wee Chong Hui, *Malaysia@50: Economic Development, Distribution, Disparities*, Singapore: World Scientific Publishing, 2014, hlm. 31.
- ¹⁴ Sher and Chen, *Trade Unions in Malaysia*, hlm. 91.
- ¹⁵ Ibid., hlm. 91.
- ¹⁶ Weiss, "Civil Society in Politics and Southeast Asia in Civil Society: Conceptual Foundations," hlm. 12.
- ¹⁷ Stefan Rother, "Multi-level Migrant Civil Society Activism in Southeast Asia," in *Routledge Handbook of Civil and Uncivil Society in Southeast Asia*, eds. Eva Hansson dan Meredith L. Weiss, New York: Routledge, 2023, hlm. 346–360.
- ¹⁸ Eva Hansson and Meredith Weiss, eds., *Routledge Handbook of Civil and Uncivil Society in Southeast Asia*, New York: Routledge, 2023, hlm 362.
- ¹⁹ Richard Hyman, *Marxism and the Sociology of Trade Unionism*, London: Pluto Press, 1971, hlm. 6.
- ²⁰ Hyman, *Marxism and the Sociology of Trade Unionism*, hlm. 17, 22.
- ²¹ Hyman, *Understanding European Trade Unionism: Between Market, Class and Society*, hlm. 1-2, 4–5.
- ²² Dibben, "Social Movement Unionism," hlm. 228.
- ²³ Matt Flynn, Chris Brewster, Roger Smith, and Mike Rigby, "Trade Union Democracy: The Dynamics of Different Forms," dalam *Trade Unions and Democracy: Strategies and Perspectives*, ed. Mark Harcourt and Geoffrey Wood, Manchester: Manchester University Press, 2004, hlm. 319–351.
- ²⁴ Kamel Mellahi dan Geoffrey Wood, "Trade Unions, Social Partnerships and National Business Systems," in *Trade Unions and Democracy: Strategies and Perspectives*, eds. Mark Harcourt and Geoffrey Wood, Manchester: Manchester University Press, 2004, hlm. 352–376.
- ²⁵ Meredith L. Weiss, "Civil Society and the State in Southeast Asia: A Subaltern Politics?" in *Routledge Handbook of Civil and Uncivil Society in Southeast Asia*, eds. Eva Hansson and Meredith L. Weiss, New York: Routledge, 2023, hlm. 52.
- ²⁶ Meredith L. Weiss, *Protest and Possibilities: Civil Society and Coalitions for Political Change in Malaysia*, Stanford, CA: Stanford University Press, 2006, hlm. 137.
- ²⁷ Ibid., hlm. 144.
- ²⁸ Ibid., hlm. 146.
- ²⁹ Ibid., hlm. 153.
- ³⁰ Ibid., hlm. 157.
- ³¹ Muhd. Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016, hlm. 225.
- ³² Alistair Thomson, "Life Stories and Historical Analysis," in *Research Methods for History*, eds. Simon Gunn and Lucy Faire, Edinburgh: Edinburgh University Press, 2012, hlm. 102.
- ³³ Simon Gunn and Lucy Faire, "Introduction: Why Bother with Method?" in *Research Methods for History*, eds. Simon Gunn and Lucy Faire, Edinburgh: Edinburgh University Press, 2012, hlm 1.
- ³⁴ Ibid., hlm. 1.
- ³⁵ Muhd. Yusof, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan*, 255.
- ³⁶ Thomson, "Life Stories and Historical Analysis," hlm. 103.
- ³⁷ Stenson, *Class, Race and Colonialism in Peninsular Malaysia: A Political History of Malaysian Indians*, hlm.4.
- ³⁸ Selvaratnam, "Malaysia's South Indian 'Coolies': Legacies of Imperialism, Colonial Capitalism and Racism," hlm. 175–176.
- ³⁹ Jomo and Wee, *Malaysia@50: Economic Development, Distribution, Disparities*, xiv, hlm. 2.
- ⁴⁰ Zawawi Ibrahim, *The Malay Labourer: By the Window of Capitalism*, hlm. 13, 35.
- ⁴¹ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 10.
- ⁴² Stenson, *Class, Race and Colonialism in Peninsular Malaysia: A Political History of Malaysian Indians*, 4-5.
- ⁴³ Selvaratnam, "Malaysia's South Indian 'Coolies': Legacies of Imperialism, Colonial Capitalism and Racism," hlm. 184–185.
- ⁴⁴ Zawawi, *The Malay Labourer: By the Window of Capitalism*, hlm. 117.
- ⁴⁵ Stenson, *Class, Race and Colonialism in Peninsular Malaysia: A Political History of Malaysian Indians*, hlm. 5.
- ⁴⁶ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 78-81.
- ⁴⁷ Selvaratnam, "Malaysia's South Indian 'Coolies': Legacies of Imperialism, Colonial Capitalism and Racism," hlm. 184-188.
- ⁴⁸ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 11.
- ⁴⁹ Stenson, *Class, Race and Colonialism in Peninsular Malaysia: A Political History of Malaysian Indians*, hlm. 125.

- ⁵⁰ Jomo and Wee, *Malaysia@50: Economic Development, Distribution, Disparities*, hlm. 65.
- ⁵¹ Parthiban S. Gopal and Suresh Narayanan, "Collective Agreements and the Wages of Rubber Tappers in Malaysia, 1954–2003: A Revisit of 'Bad Bargains'," *Malaysian Journal of Economic Studies* Vol. 54, No. 1, 2017, hlm. 146, <https://doi.org/10.22452/MJES.vol54no1.7>.
- ⁵² Zawawi Ibrahim, *The Malay Labourer: By the Window of Capitalism*, hlm. xv, 52–53.
- ⁵³ Stenson, *Class, Race and Colonialism in Peninsular Malaysia: A Political History of Malaysian Indians*, 140.
- ⁵⁴ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 78-81.
- ⁵⁵ Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi: Penerbit UKM, 2017l, hlm. 105-106.
- ⁵⁶ Sher and Chen, *Trade Unions in Malaysia*, hlm. 14.
- ⁵⁷ Stenson, *Class, Race and Colonialism in Peninsular Malaysia: A Political History of Malaysian Indians*, hlm. 160-161.
- ⁵⁸ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 66.
- ⁵⁹ Jomo and Wee, *Malaysia@50: Economic Development, Distribution, Disparities*, hlm. 62-63.
- ⁶⁰ Selvaratnam, "Malaysia's South Indian 'Coolies': Legacies of Imperialism, Colonial Capitalism and Racism," hlm. 190.
- ⁶¹ Sher and Chen, *Trade Unions in Malaysia*, hlm. 15.
- ⁶² Jomo and Wee, *Malaysia@50: Economic Development, Distribution, Disparities*, hlm. 68.
- ⁶³ Zawawi, *The Malay Labourer: By the Window of Capitalism*, hlm. xvi.
- ⁶⁴ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 273-275.
- ⁶⁵ Hyman, *Understanding European Trade Unionism: Between Market, Class and Society*, hlm. 173-174.
- ⁶⁶ Hyman, *Marxism and the Sociology of Trade Unionism*, hlm. 6.
- ⁶⁷ Dibben, "Social Movement Unionism", hlm. 280.
- ⁶⁸ Allan Flanders, *Management and Unions: The Theory and Reform of Industrial Relations*, London: Faber and Faber, 1975, hlm. 42, 210.
- ⁶⁹ Hyman, *Marxism and the Sociology of Trade Unionism*, hlm. 25.
- ⁷⁰ Martha C. Nussbaum, *Hiding from Humanity: Disgust, Shame, and the Law*, Princeton: Princeton University Press, 2004, hlm. 211–222.
- ⁷¹ Hyman, *Understanding European Trade Unionism: Between Market, Class and Society*, hlm. 131.
- ⁷² Ibid., hlm. 36-37.
- ⁷³ Dibben, "Social Movement Unionism," hlm. 280-281.
- ⁷⁴ Hyman, *Understanding European Trade Unionism: Between Market, Class and Society*, hlm. 174.
- ⁷⁵ Flynn et al., "Trade Union Democracy: The Dynamics of Different Forms," hlm. 147.
- ⁷⁶ Mike Rigby, Roger Smith, and Chris Brewster, "The Changing Impact and Strength of the Labour Movement," in *Trade Unions and Democracy: Strategies and Perspectives*, eds. Mark Harcourt and Geoffrey Wood, Manchester: Manchester University Press, 2004, hlm. 147.
- ⁷⁷ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 364, 410.
- ⁷⁸ Allan Flanders, *Management and Unions: The Theory and Reform of Industrial Relations*, London: Faber and Faber, 1975, hlm. 155-156, 167-168, 170, 213-214.
- ⁷⁹ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 409-410.
- ⁸⁰ Hyman, *Marxism and the Sociology of Trade Unionism*, hlm. 17, 25.
- ⁸¹ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 368.
- ⁸² Hyman, *Understanding European Trade Unionism: Between Market, Class and Society*, hlm. 2.
- ⁸³ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 91-92.
- ⁸⁴ Dibben, "Social Movement Unionism," hlm. 288-289.
- ⁸⁵ Hyman, *Understanding European Trade Unionism: Between Market, Class and Society*, hlm. 10-11.
- ⁸⁶ Flynn et al., "Trade Union Democracy: The Dynamics of Different Forms," hlm. 334-341.
- ⁸⁷ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 225.
- ⁸⁸ Ibid., hlm. 225.
- ⁸⁹ Flanders, *Management and Unions: The Theory and Reform of Industrial Relations*, hlm. 166-167.
- ⁹⁰ Hyman, *Marxism and the Sociology of Trade Unionism*, hlm. 22.
- ⁹¹ Flynn et al., "Trade Union Democracy: The Dynamics of Different Forms," hlm. 319-341.
- ⁹² Dibben, "Social Movement Unionism," hlm. 285-287.
- ⁹³ Hyman, *Marxism and the Sociology of Trade Unionism*, hlm. 6-8.
- ⁹⁴ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 86-88.
- ⁹⁵ Hyman, *Understanding European Trade Unionism: Between Market, Class and Society*, hlm. 10-11.
- ⁹⁶ Hyman, *Marxism and the Sociology of Trade Unionism*, hlm. 8.
- ⁹⁷ Morais, P.P. Narayanan: *A World Trade Unionist*, hlm. 226.
- ⁹⁸ Hyman, *Understanding European Trade Unionism: Between Market, Class and Society*, hlm. 174.

⁹⁹ Flynn et al., "Trade Union Democracy: The Dynamics of Different Forms," hlm. 340.

¹⁰⁰ Dibben, "Social Movement Unionism," hlm. 289-290.

¹⁰¹ Hyman, *Marxism and the Sociology of Trade Unionism*, hlm. 11.

¹⁰² Ibid., hlm. 25.

¹⁰³ Flynn et al., "Trade Union Democracy: The Dynamics of Different Forms," hlm. 334-335.

Rujukan

Antonio Gramsci, *Selections from the Prison Notebooks*, ed. and trans. Quentin Hoare and Geoffrey Nowell Smith, London: ElecBook, 1999.

Eva Hansson and Meredith L. Weiss, *Routledge Handbook of Civil and Uncivil Society in Southeast Asia*, edited by New York: Routledge, 2023.

Flanders, Allan, *Management and Unions: The Theory and Reform of Industrial Relations*, London: Faber and Faber, 1975.

Gopal, Parthiban S., and Suresh Narayanan, "Collective Agreements and the Wages of Rubber Tappers in Malaysia, 1954–2003: A Revisit of 'Bad Bargains'," *Malaysian Journal of Economic Studies* 54, no. 1, 2017,143-165.

Hansson, Eva, and Meredith Weiss, eds. *Routledge Handbook of Civil and Uncivil Society in Southeast Asia*. New York: Routledge, 2023.

Hyman, Richard, *Marxism and the Sociology of Trade Unionism*, London: Pluto Press, 1971.

Hyman, Richard, *Understanding European Trade Unionism: Between Market, Class and Society*, London: SAGE Publications, 2001.

Jomo Kwame Sundaram and Wee Chong Hui, *Malaysia@50: Economic Development, Distribution, Disparities*, Singapore: World Scientific Publishing, 2014.

Mark Harcourt and Geoffrey Wood eds., *Trade Unions and Democracy: Strategies and Perspectives*, Manchester: Manchester University Press, 2004.

Martha C. Nussbaum, *Hiding from Humanity: Disgust, Shame, and the Law*, Princeton: Princeton University Press, 2004.

Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi: Penerbit UKM, 2017.

Morais, J. Victor, *P.P. Narayanan: A World Trade Unionist*, Petaling Jaya: Unik Printguide, 1983.

Muhd. Yusof, Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.

Rajah Rasiah, Azirah Hashim, and Jatswan S. Sidhu, eds., *Contesting Malaysia's Integration into the World Economy*, Singapore: Springer, 2021.

Sher, L., and Voon Shian Chen, *Trade Unions in Malaysia*, Singapore: CCH Asia Pte Limited, 2011.

Show Ying Xin and Ngoi Guat Peng eds., *Revisiting Malaya: Uncovering Historical and Political Thoughts in Nusantara*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2020.

Simon Gunn and Lucy Faire eds., *Research Methods for History*, Edinburgh: Edinburgh University Press, 2012.

Stenson, Michael, *Class, Race and Colonialism in Peninsular Malaysia: A Political History of Malaysian Indians*, New edition, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre [SIRD] & Pusat Sejarah Rakyat, 2019.

Weiss, Meredith L., "Civil Society in Politics and Southeast Asia in Civil Society: Conceptual Foundations," In *Routledge Handbook of Civil and Uncivil Society in Southeast Asia*, edited by Eva Hansson and Meredith L. Weiss, London: Routledge, 2023, 3-15.

Weiss, Meredith L., *Protest and Possibilities: Civil Society and Coalitions for Political Change in Malaysia*, Stanford, CA: Stanford University Press, 2006.

Zawawi Ibrahim, *The Malay Labourer: By the Window of Capitalism*, 2nd ed. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2022.